

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Wednesday, February 15, 2017 10:39 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: PPA UUM COB : MAJLIS AMANAT DEKAN BERSAMA PRESIDEN KELAB / PERSATUAN UUM COB 2017



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

15 FEBRUARI 2017 / 18 JAMADILAWWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



PPA COB ONLINE: Majlis Amanat Dekan PPA UUM COB bersama Presiden Kelab/Persatuan di bawah PPA COB telah berlangsung pada 13 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif 1, PPA UUM COB.

Dekan Pembangunan Pelajar UUM COB, Dr. Hendrik bin Lamsali dalam ucapannya menyeru agar setiap kelab/persatuan dibawah PPA UUM COB perlu lebih selektif tentang program yang akan dijalankan agar mengikut Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan.

“Program yang dijalankan hendaklah selari dengan kelab/Persatuan masing-masing, para pelajar juga digalakkan agar menyertai program berbentuk pertandingan bagi memberi peluang meluaskan pengetahuan serta jaringan kerjasama bersama pihak luar” ujar beliau.

Terdahulu, Timbalan Dekan PPA UUM COB, Prof. Madya. Dr. Siti Zubaidah Othman selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan Pelajar PPA COB sempat menyampaikan beberapa makluman berkenaan prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi berkaitan program yang dijalankan.

Sebagai pembakar motivasi kepada kelab/persatuan, “Half Year Review Award” akan diberikan pada kelab/persatuan yang mendapat pencapaian cemerlang dalam program yang dijalankan pada 6 bulan pertama pelaksanaan program.

Majlis ini turut di hadiri oleh Timbalan Dekan, Penolong Pendaftar, Penyelaras Praktikum dan Staf PPA UUM COB di samping lima belas (15) presiden bagi setiap kelab/persatuan.”

Habis

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
E 04-928 6606
Website: <http://uumppacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.